



# TIBBians

"BEYOND THE HORIZON OF JUST HEALING"

PRODUKSI BADAN KEBAJIKAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR

PERCUMA

UNTUK AHLI SAHAJA

BIL 3

ZULKAEDAH 1425/DISEMBER 2004

## SIDANG EDITORIAL

Penulis:

AHMAD BAIHAQI AZRAII

Editor:

AHMAD SHUIB YAHAYA

Pengarang:

AHMAD ZUHDI SURADIN  
HAZWANI JOHARI

Penyumbang:

HIDIR HASSAN  
SALMAN AMIRUDDIN

SITI HAJAR ISMAIL

AHMAD HAikal IDRIS

ABDUL FATAH JAAFAR

Terbitan:

PERUBATAN,  
Dewan Malaysia Abbasiah,  
Kaherah, Mesir.

Pihak Editorial mengalu-alukan sebarang sumbangan dalam apa jua bentuk. Sumbangan penulisan akan diteliti dan pihak editorial berhak mengubahsuai hasil penulisan tersebut selagi tidak meminda isi dan idea utama. Segala penulisan samada dari kolumnis atau sumbangan tidak melambangkan pendirian dan identiti PERUBATAN serta terdedah kepada komen, kritikan dan seumpamanya dengan syarat disempurnakan secara profesional dan mematuhi prinsip-prinsip ilmiah. Sumbangan penulisan hendaklah disertai dengan identiti pengirim serta e-mail sebagai tanda pertanggungjawaban terhadap hasil penulisan. Rujukan/sumber adaptasi seeloknya dinyatakan. Sebarang komen membina, idea, pertanyaan, artikel atau sumbangan sila emailkan ke:

[tibbians@lycos.com](mailto:tibbians@lycos.com)

## MUTIARA

*Wahai Anak Adam! Bagaimana kamu boleh sombang dan bongkak sedangkan kamu telah keluar dari kemaluan dua kali sebelum ini (sebagai sperma & fetus)*

*Imam Hasan Basri*

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani

*In The Name Of Allah, Most Gracious, Most Merciful*

## MENARIK DI DALAM:

Wawancara Eksklusif bersama *Dr Hamidah Budin...* (muka2)


## **SELAMAT KEMBALI KE TANAH AIR & BERTUGAS...**

8 DISEMBER- Setelah hampir 11 bulan berada di Lembah Nil, Dr. Hamidah Budin akhirnya berjaya menamatkan latihan subkepakarannya (subspeciality) dalam bidang *Occuloplasty*. Beliau ditemani suami, En. Badrol Hisam Abd Rahman serta anak-anak, 'Iqbal', 'Oyah' dan 'Nurul' telah selamat pulang ke tanah air menaiki pesawat MAS.

Beliau yang ditaja oleh JPA serta mendapat latihan di bawah seliaan Dr Hatem Taufiq (Ass.Prof), pensyarah *Ophtalmology*, Universiti Ain Shams akan kembali bertugas di Klinik Mata, Hospital Besar Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan pakar ketiga negara yang mempunyai subkepakaran dalam *occuloplastic surgery* selain merupakan pakar Malaysia pertama menjalani latihan di Mesir. Didoakan semoga beliau dapat terus menabur khidmat untuk masyarakat dan semoga terus bahagia di samping keluarga.

## **TOBLIYAH**

سلام الله عليكم ورحمةه وبركاته



Alhamdulillah, TIBBians telah sampai ke edisi ketiga. Sedar tak sedar, tahun 2004 juga bakal melabuhkan tirainya.

Lebih penting, musim peperiksaan pertengahan tahun bakal menjelang sedikit masa lagi. Bagi para pelajar Uinversiti Ain Shams, mungkin beberapa siri ujian penilaian telah dilalui. Tidak dilupakan saudara Muhammad Nasri Abu Bakar yang sedang menduduki peperiksaan akhir. Diharapkan semua pelajar-pelajar perubatan berada dalam "mood peperiksaan" dan sentiasa berterusan mengingati tanggungjawab kita sebagai pelajar.

Didoakan semoga kita sama-sama berjaya. Selamat berusaha.  
"Rabbuna yuwaffaku"

...Editor ([intelek@lycos.com](mailto:intelek@lycos.com))

## **MUSIM HAJI 1425 HIJRIYAH TELAH BERMULA!!!!**

*Sama-sama kita doakan kejayaan bakal hujjaj sekalian, termasuk beberapa ahli PERUBATAN.*

# WAWANCARA BERSAMA Dr. HAMIDAH BUDIN

Wartawan TIBBians: Ahmad Zuhdi Suradin (zzuhdi@yahoo.com)



**Dr. Hamidah binti Budin.** MBBS (UKM), MS-Ophth (UKM)

<b>Keluarga:</b> Berasal dari Masjid Tanah, Melaka Anak bongsu dari 5 beradik Mendirikan rumah tangga bersama suami, En. Badrol Hisam Abdul Rahman pada 1995 dan telah dikurniakan seorang putera dan 2 orang puteri	<b>Pendidikan &amp; kerjaya:</b> <b>Sek. Keb. Masjid Tanah, Melaka</b> <b>Sek. Tinggi Perempuan Melaka (81-85)</b> <b>Kolej Matrikulasi Kuala Terengganu (86-87)</b> <b>Fakulti Perubatan UKM (87-93)</b> Doktor Siswazah (HO)- Hospital Besar Melaka (93-94) Pegawai Perubatan- Hospital Daerah Mentakab, Pahang (94-95) Hospital Kajang (95-96) - (berkahwin & mengikut suami) <b>Program Master (Ophthalmology) UKM (96-2000)</b> Pakar Klinikal- Hospital Besar Kuala Lumpur (2000-2003) Hospital Besar Kota Bharu (2003) <b>Latihan Subkepakaran (Oculoplastic Surgery) – Hospital Ain Shams, Kaherah, Mesir (Januari-Disember 2004)</b>
---	--

**TIBBians** : Assalamualaikum Dr. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk diwanawancara pada hari ini.

**Dr Hamidah** : Waalaikumussalam. Terima kasih juga kepada pihak Tibbians.

**TIBBians** : Pertama sekali, bolehkah Dr ceritakan bagaimana Dr boleh memilih Mesir sebagai pilihan Dr untuk melanjutkan pelajaran di peringkat subkepakaran.

**Dr Hamidah** : Pada peringkat awalnya, terus terang saya katakan yang Mesir tidak termasuk dalam senarai pilihan saya. Saya memohon biasiswa untuk menyambung pelajaran dalam subkepakaran sebanyak dua kali. Selepas tidak berjaya untuk kali pertama, saya cuba memohon untuk kali kedua ke Australia dan UK. Walaubagaimanapun, terdapat masalah untuk melanjutkan pelajaran ke sana. Walaupun saya mendapat tempat di UK, namun mereka tidak menjanjikan priority tempat kepada saya. Sejak itu, saya cuba mencari saluran lain. Alhamdulillah, saya bertemu dengan seorang pensyarah daripada USA di Malaysia dan dia mengesyorkan saya untuk ke Mesir kerana katanya di sana terdapat pakar yang bagus untuk bidang oculoplasty.

**Tibbians** : Apakah persepsi Dr sebelum datang ke sini? Adakah benar seperti yang digambarkan?

**Dr Hamidah** : Pada permulaannya, saya tidak tahu yang hampir 100% urusan di hospital dan bahasa perantaraan adalah dalam bahasa Arab. Beberapa hari sebelum saya terbang ke Mesir, ada seorang Dr yang pernah belajar di Mesir memberitahu yang bahasa arab amat penting untuk komunikasi. Tapi memandangkan saya bukan datang ke sini untuk kuliah dan lebih kepada untuk mendapatkan surgical skill, jadi perkara tersebut tidak begitu membimbangkan saya.

**TIBBians** : Bolehkah Dr ceritakan perbandingan kemajuan perubatan di Mesir dan juga di Malaysia terutamanya dalam bidang ophthalmology?

**Dr Hamidah** : Jika dibandingkan dengan Malaysia, Mesir lebih jauh ke depan. Dari segi peralatan, skil, teknik-teknik pembedahan, mereka jelas lebih maju berbanding Malaysia. Di Malaysia, kita masih di peringkat untuk melatih pakar-pakar. Oleh sebab itu, sumber pakar di Malaysia agak terhad. Di Mesir, doktor-doktor yang belum lagi mempunyai subkepakaran sudah mampu menjalankan pembedahan yang tidak mampu dilakukan oleh doktor-doktor di Malaysia.

.....Bersambung ke muka 12

#### Siri 4: DASAR GERAK KERJA DOKTOR MUSLIM: AKAL

wild sirocco@yahoo.co.uk

Tunggak kedua selepas iman bagi memenuhi keperluan untuk menghubungkan diri sebagai doktor dalam mengimarahkan dunia ini sejajar dengan kehendak Allah ialah Akal.Islam memuliakan akal dan cukup disini didatangkan suatu dalil naqli:

*Akan Kami(Allah) pertunjukkan kepada mereka tanda-tanda kebesaran Kami di cakerawala dan pada diri mereka sendiri hingga jelas bagi mereka bahawa Dia(Allah) itu adalah Al-Haq.Apakah tidak cukup dengan tuhan kamu bahawa sesungguhnya Dia di atas segala sesuatu itu menjadi saksi.*

Fussilat :53

Sesungguhnya yang membezakan seorang insan dengan insan yang lain ialah kemampuan seseorang dalam menggunakan akal yang dianugerahkan untuk penyelidikan ,eksperimen dan sebagainya. Dengan memuliakan akal itulah, para doktor islam terdahulu membuka lembaran-lembaran baru dalam perubatan yang tidak diterokai oleh orang sebelumnya dan diantaranya ialah Ibn Nafes<sup>1</sup> ; yang menemukan *arterioles circulation* dalam badan manusia lalu menafikan pendapat teori barat (Aristotle dan Galie) yang telah diterima beratus tahun lalu yang mengatakan punca darah adalah dari hati.Inilah generasi yang telah membuktikan pada umat selepas mereka bahawa mereka memuliakan akal yang dikurniakan kepada mereka untuk mencari kebenaran.Oleh kerana islam memuliakan akal, maka agama ini telah menjadikan akal itu penjaga ke atas diri kita dalam mengimbangi antara baik dan buruk.

Dr Al-Barr memetik kata-kata Abbas Al-Akkad (pemikir Islam Mesir), bahawa dalam Al-Quran seringkali dibawa kita berfikir tentang baik dan buruk yang matlamat daripada kita disuruh berfikir itu ialah untuk menetapkan bahawa bagi perkara yang baik itu pahala dan yang buruk itu dosa. Al-Quran mengajak kita berfikir dalam mengimani sesuatu agar keimanan itu tidak mampu diganggu gugat dengan persoalan yang meragukan. Namun begitu,kita perlu sedari bahawa akal ini adalah hanya terhad untuk mengetahui perkara-perkara ghaib. Dan sekiranya berlaku pertembungan antara akal kita yang lemah ini dengan apa yang terkandung dalam Quran, maka kita kena berusaha untuk mengetahui lebih dalam tetapi dengan batasan iman dan ketetapan dari Allah seperti dalam perkara berhubung kebangkitan hari kiamat dan sifat-sifat Allah.

Dalam hal ini, Said Qutb berbeza pendapat dengan Imam Mohd Abduh dan Iqbal (penyair Islam) dalam meletakkan kedudukan akal melebihi daripada apa yang perlu dalam perkara berkaitan dengan hal-hal ghaib. Said Qutb berpendapat ada perlunya disana keseimbangan antara perkara-perkara yang cukup sekadar kita menerimanya lalu kita menyerahkan segalanya itu adalah kekuasaan Allah (cthnya kebangkitan hari kiamat) dan antara perkara-perkara yang kita terima lalu kita kaji,dalam,i,serta mencari sebab musabab dan hikmahnya dari segi saintifik untuk diterapkan dalam kehidupan (cthnya proses kejadian manusia).Kedua-dua aspek itu perlu ada keseimbangan kerana ada perkara yang kita disuruh berfikir dengan dalam dan ada perkara yang cukup kita terima secara berserah sahaja kepada Allah.

(Tambah) Antara tanda bahawa seorang itu diatas jalan yang betul ialah apabila dia berhenti memikirkan perkara yang tidak mampu dicapai oleh akal seperti Qada dan Qadar dan meneruskan kajian terhadap perkara tersebut adalah tanda kejahlannya sendiri.

<sup>1</sup> Ibn Nafis As-Syafie antara tokoh yang dimuatkan oleh Syaikh Abu Ghuddah dalam kitabnya “Ulama’ - العلماء العزاب الذين أثروا العلم من الزواج”

## MUMTAZKAH AKU ???

Nukilan: *Jundiyy Majhul*  
[ghariyba@yahoo.com](mailto:ghariyba@yahoo.com)

**S**ejak kaki menjejak bumi Mesir, niat telah dipasak kukuh, strive for the best! Akan kukejar imtiyaz. Sampai kekadang termimpimimpimpi memahami teori, menghafal nota.

Namun setakat mumtaz di kertaskah yang dicari? Atau mumtaz di kalangan sahabat sebidang? Ataukah mumtaz di mata pesakit? Atau mumtaz di bidang perubatan ini secara keseluruhannya? Ataukah mumtaz di sisi Allah dan RasulNya? Ya! Matlamat utama dan termulia bagi seorang muslim itu 'mumtaz' di sisi Allah dan RasulNya, itulah orang yang benar-benar berilmu dan berakal. Mumtaz yang lainnya, adalah AMANAH, wasilah untuk sampai ke matlamat. Dan yang pasti amanah itu pasti dipersoalkan!

Di mana kita? Dha'if, maqbul, jayyid, jayyid jiddan, mumtaz? Nilailah diri kita melalui 'assessments' yang ada. Tiada tempoh masa terhad, melainkan ianya tempoh hidup kita. Tiada natijah bertulis melainkan muhasabah yang dilakukan students berdasarkan skema imannya.

Bagaimana kita nak menggapai mumtaz dunia dan akhirat? Bilamana kita mengejar mumtaz dunia untuk akhirat, automatic, niat itu dikira kerana Allah. Nampak mudah bukan? Tetapi yang pastinya jalan untuk mengecap mumtaz dunia+mumtaz akhirat ada jalannya yang tersendiri, ada papan tandanya yang tersendiri, ada lampu isyaratnya tersendiri dan ada rintangannya yang tersendiri. Dan hanya yang **menang** ke atas rintangan-rintangan ini sahaja yang selamat sampai ke penghujungnya.

Allah menyifatkan kemenangan : "Barangsiapa yang ta'at kepada Allah dan rasulNya nescaya Allah masukkannya ke dalam sungai yang mengalir di dalamnya sungai-sungai, sedang mereka kekal di dalamnya dan itulah kemenangan yang besar" an-Nisa' :13

Dan Allah menyifatkan orang-orang yang menang sebagai ashabul Jannah (al-Hashr:20), juga sebagai orang yang sabar (al-Mukminun: 111) dan orang yang ta'at kpd Allah dan rasulNya yang bertakwa kepadaNya (an-Nuur:52).

Kadang-kadang kita kurang sabar untuk mencapai matlamat, lalu tidak megikut arahan-arahan isyarat dan akibatnya terbabas. Kadang-kadang kita kurang teliti maka perjalanan kurang lancar dan kadang-kadang kita bosan dan lemah dengan perjalanan yang panjang, susah dan meletihkan. Kesilapan demi kesilapan kita lakukan.

Namun selagi kita tahu dan jelas tujuan, faham tabiat jalan ini melalui pengalaman, selagi kita sanggup belajar dari jatuh bangun yang dirasai, dan sentiasa memperbaharui bekalan iman, ilmu dan amal (teori dan praktikal), insya Allah kita kan sampai ke penghujung yang diimpikan dan dapat menikmati mumtaz di dunia sepanjang perjalanan. Ingat! Bukan anda seorang yang mengajar mumtaz, tapi kita semua, pastikan bukan anda seorang yang tiba, tapi kita semua, kita bukan berlumba, tapi bersama-sama mengejar 'mumtaz' akhirat sebagai matlamat dan mumtaz dunia sebagai amanah!

### MUTIARA PENUNTUT ILMU

وَالا فَاثبْتِي فِي ذَا الْهُوَانِ

سوى ندم وحرمان الأماني

دعى نفسي التكاسل والتواني

فلم أر للكسالى الحظ (يعطي)

Serulah diriku supaya meninggalkan **Kemalasan** dan **Bertangguh**,  
Jika tidak, Maka aku akan kekal sebagai pemilik KEHINAAN,  
Tidak aku temukan untuk orang-orang pemalas suatu bahagian,  
Melainkan dukacita, serta halangan dari tercapainya cita-cita.

**NUTFAH (DROP) – نطفة**HAMADA el Misriey [intelek@lycos.com](mailto:intelek@lycos.com)**1. NUTFAH**

The word “nutfah” was mentioned twelve times in The Quran. Al-Nutfah in Arabic means a drop or a small part of fluid. Its actual meaning with reference to the context in the Quran will include **male and female gametes and part of the surrounding fluid**. This is illustrated by the following citation:

“was he not a DROP or PART OF germinal fluid (mani) emitted or programmed?”

ألم يك نطفة من مني يعني <sup>(1)</sup>

Here “mani” means **male or female germlinal fluid**. <sup>(2)</sup>

**2. MIN (من)**

The Quran revealed 1400 years ago that not the whole part of the male semen involved in the formation of fetus. The verse (ayah) above indicated that the NUTFA is only a portion of semen. The Prophet’s hadith confirms the fact that the offspring is created from part of the germinal fluids.

ما من كل الماء يكون الولد...<sup>(3)</sup>

(not from all the fluid is the offspring created)

Science had proved recently that normally, semen contains 100 million sperms per ml and a volume of 3-5 ml of semen ejaculated each time. Only a sperm will fertilized an ovum to form a zygote. <sup>(4)</sup>

In addition, the word “min” (من) indicate to us that not all parts of the ejaculate contain sperms and potent in the fertilization process. “In the first portion of the ejaculate are the spermatozoa, epididymal fluids, and the secretions from the Cowper dan prostate gland fluids. In the last portions of the ejaculate are the secretions of the seminal vesicles. Most spermatozoa appear in the first part of the ejaculate, which is made primarily of prostatic secretions. Thus spermatozoa in the initial portion of the ejaculate have better motility and survival than those in the later portions, which are chiefly vesicular in origin”. <sup>(5)</sup>

**3. NUTFAH AL-AMSHAJ (النطفة الأمشاج)**

In Arabic Amshaj means mixture and An-Nutfah Al-Amshaj shall mean *mixtures* or *mingled* of male and female germinal fluids or cells. All Islamic scholars unanimously agree on deriving this meaning from the above expression. This is evidently clear form the following quotation:

إنا خلقنا الإنسان من نطفة أمشاج....

“Verily We created Man from mixture of germinal drop” <sup>(6)</sup>

An-Nutfah is a noun referring to a single drop and Al-Amshaj an adjective, which is used in plural form. The grammatic rules of the language permit singular nouns or pronouns to be described by a singular adjective. Al-Amshaj is a plural adjective used with the singular noun Al-Nutfah. After mixture of the male and female gametes, the Zygote still remains “Nutfah” and in this context the word “An-Nutfah Al-Amshaj” will mean a combination of many things mixed in a single drop (Nutfah) i.e. the maternal and paternal chromosomes with their genetic material and other contents of the cell. “Amshaj” is a plural adjective capable of agreeing with the concept of Nutfah *being a multi-faceted single entity*.

Thus the Quran as early as the 7<sup>th</sup> Century AD refuted all older notions and theories about the beginnings of the human conceptus because these did not take into account the dual nature of fertilization. Not until Hertwig in 1875 observed that both male sperm and female ovum participate in the formation of the zygote (dual nature of fertilization), that anybody (in scientifically approved ways) had said anything about this fact. <sup>(7)</sup>

(1) Surah Al-Qiyamah, ayah 37

(2) Keith Moore & Abd Majeed AzZindani, *The Developing Human* -3<sup>rd</sup>

(3) *Sahih Muslim*, Kitab AnNikah, Bab Al-Azl

(4) Ain Shmas Faculty Of Medicine, *Lectures On Embryology*

(5) E.S.E Hafez, *Human Reproduction*, 1979

(6) Surah Al-Insan, ayah 2

(7) M. Ali Albar, *Human Development As Revealed in The Holy Quran & Hadith*

## الطب النبوي (Perubatan Nabi)-siri 2

Ust.Hj Abdul Fatah Hj Jaafar

Tahun 4, Kuliyyah Usuluddin

Jabatan Dakwah & Thaqofah Islamiyyah

Universiti Al-Azhar, Kaherah

[aqiqnilam\\_01@yahoo.com](mailto:aqiqnilam_01@yahoo.com)

Segala pujian selayaknya buat Rabbul Izzati yg maha segalanya, menciptakan dari kosmos sebesar matahari sehingga sekecil mikroorganisma. Selawat & salam buat saintis terulong Muhammad Rasulullah SAW yg menjadi qudwah seluruh makhluk bergelar hamba.

Perlu diakui, perubatan moden yg dimomokkan oleh dunia barat dipelopori mereka walhal berasal daripada ulama' Islam hanya memfokuskan perihal material semata iaitu hanya mengakui sesuatu yang berjisim dan boleh dibuktikan melalui eksperimen makmal dan seumpamanya. Fikrah merbahaya ini jika diteliti adalah merupakan jarum 'pragmatisme' yang cuba disuntik perlahan-lahan menyelusupi dunia perubatan yg asalnya suci dan bebas daripada segala penipuan teori karut mereka.

Sebaliknya seawal lagi Islam telah memperjelaskan kepada manusia bahawa dirinya berasal daripada 2 unsur utama iaitu jasad & roh. Jasad adalah jisim fizikal yg boleh dilihat, disentuh & dieksperimen oleh teknologi ciptaan manusia. Bahkan roh pula adalah suatu yg sememangnya diluar kadar kemampuan manusia untuk mena'kulnya.Bahkan Allah swt sendiri memperjelaskan di dalam Al-Tanzil:

"(Wahai Muhammad), ketikamana engkau ditanya tentang roh, beritahulah mereka sesungguhnya perihal roh ini adalah daripada urusan Tuhan"

'Tibbun Nabawi' atau perubatan Islam adalah mengambil kira 2 unsur ini sekaligus didalam pengamalannya iaitu unsur jasadi & ruhi berbeza dengan perubatan moden yg telah diserapi pengaruh pragmatisme tersebut.

Hal ini dapat dibuktikan apabila kita merujuk kepada kitab-kitab Tibbun Nabawi yg turathi seumpama Ar-Rahmah Fi Tibbi wal Hikmah oleh Imam Jalalluddin As-Sayuti,Tashil al-Manafi' Fi Tibbi wal Hikmah oleh Syeikh Ibrahim al-Azrak, Ahkam An-Nabawiyyah Fi As-Sinaah At-Tibbiyyah oleh Abi Hassan Ala'uddin al-Kahhal, At-Tibbu Ruhi oleh Imam Ibnu Jauzi dan ramai lagi.

Begitu juga bila merujuk kepada buku Tibbun Nabawi yang ada pada hari ini seumpama Mashruuiyyah At-Tadawi Bil Quran oleh Saa'd Yusuf Abu A'ziz, Al-Munqizul Qurani oleh Syeikh Muhammad Soyim dan ramai lagi yg sememangnya amat mengambil kira ke dua-dua unsur ini dalam pengamalan perubatan manusia. Jika diteliti sebenarnya perubatan moden sendiri mengakui faktor roh ini dalam diri manusia cuma ia biasanya hanya lebih dikaitkan kepada hal-hal yang berkaitan dengan Psikologi atau kejibaan seseorang pesakit.

Para Doktor atau pengamal perubatan Islam sewajibnya menyedari dan menerima hakikat kedua-dua unsur ini dalam diri setiap manusia sebelum mereka betul-betul dan layak mengubati seseorang pesakit! Justeru sebagai seorang doktor atau pengamal perubatan anda sepatutnya bukan sahaja cuba mengenalpasti zahir bakteria yg ada pada jasad si pesakit tetapi sepatutnya juga 'scan' virus yg ada pada batin atau roh setiap pesakit!

Maka dalam usaha untuk mengenalpasti barah atau kanser yg ada pada kedua-dua unsur pada pesakit pastinya memerlukan persediaan dan kelengkapan yang bukan sedikit oleh Doktor dan pengamal perubatan Islam.


### MUTIARA KATA IMAM SYAFIE

Barangsiapa yang tidak menyenangi ilmu bererti **tidak akan ada kebaikan pada dirinya**. Oleh itu, **JANGAN** sampai ada antara anda dan dia saling kenal mengenal dan menjadi teman.

-petikan: *Imam Syafie, Penghulu Imam dan Pembaharu Ummah (Sheikh Muhammad Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki)*

# HIDUPKU DAN MATIKU HANYA KERANAMU

(Cerpen bersiri)



hasil naqal : hanglekiu (lekiu\_kal@yahoo.com)  
tahun dua jam'iah qaherah  
sumber adaptasi: ---HUDA SOID---[weblog]

Siri Kedua...

Langkah dihayun selaju mungkin. Sesekali disekanya peluh jantan yang merenek, membasahi dahi. Mentari garang memancarkan sinarnya. Bumi Damanhour panas. Sementelahan musim sejuk berlalu pergi, musim panas silih berganti. Tidak seperti Malaysia. Bumi semenanjung Golden Chersone itu sentiasa dipayungi awan redup. Nyaman. Tidak sepanas ini. Namun kembara di bumi anbiayak perlu diteruskan. Cuaca bukan alasan. Ilmu perlu dicari, diburu malahan digali. Jika tidak masakan dia menjejakkan kakinya di jazirah Semenanjung Arab ini.

Dari jauh rumah sewa Amir menggamtit pandangan. Rumah yang dikelilingi pohon kurma yang merendang tampak sederhana. Di kiri dan kanan Haikal, unta-unta setia menawarkan khidmat. Bebanan berat ditanggung tanpa sebarang karenah. Binatang itu cukup sabar. Dan Haikal kagum. Cukup kagum dengan binatang itu. Kenderaan? Kereta? Apalah yang ada di era 1948 ini. Tambahan pula di daerah Damanhour yang terpencil. Cuma sesekali kelihatan beberapa buah teksi yang berulang alik dari Kaherah. Itupun jarang.

Amir muncul dari dapur, menatang teh panas beserta roti dan zaitun. "Minumlah Haikal, air bujang saja", seloroh Amir.

Gurauan itu disambut dengan senyuman panjang. Aroma teh herba yang harum menerjah hidung. Pantas as-syai itu diteguknya. Lega rasanya. Rasa gembira tidak dapat dibendung lagi. Amir perlu diberitahu.

"Amir, aku ada hal sikit nak cakap dengan kau", Haikal bersuara, memecah keheningan. Suapan roti dan zaitun terhenti. Amir memandang sahabatnya itu.

"Aku dah buat keputusan. Esok aku akan daftarkan nama di pejabat Jamiyatus Syubbanil Muslimin di Ramsis. Palestin bakal kujejaki. Biar kaki ini berdiri di Quds. Biar tangan ini menghancurkan Yahudi. Biar jiwa ini kunafkahkan ke jalan Ilahi. Lagipun jihad sudah diisytiharkan. Bayangkan aku akan bersama-sama Imam Syeikh Hassan Al-Banna beserta jemaah Ikhwanul Muslimin yang lain, membebaskan Palestin dari belenggu Yahudi yang dilaknat", terang Haikal panjang lebar. Jelas dan nyata. Kegembiraan terpancar di wajahnya.

Mulut Amir terlopong. Matanya terbeliak. Tangannya diletakkan di dahi Haikal. "Kau demam?", Amir bersuara kehairanan. Apa mimpi sahabatnya yang seorang ini. Tiba-tiba muncul membawa khabar yang tidak diduga.

"Tidak. Aku serius. Malah keputusan ini tidak akan berganjak!". Tegas sekali nada suara Haikal.

"Bodoh! Kau memang bodoh! Kenapa susahkan diri? Biarkan Palestin dengan kisahnya. Yang penting kehidupan kita di bumi ini!", Amir bersuara kendur.

Haikal tersentak. Terkejut bukan kepalang. Tidak disangka kata-kata itu keluar daripada mulut sahabat baiknya, Amir. Kalau diikutkan nafsu amarahnya mahu sahaja ditampar mulut celupar itu. Namun Haikal sedar tiada gunanya mengikut rasa marah. Seperti menyiram minyak ke api yang marak. Dihela nafasnya. Cuba bersabar barangkali.

"Habis, sanggupkah kau melihat bumi Israk dan mikraj itu diperkosa dan dinodai? Nyawa bagai tiada berharga. Umat Islam disembelih sewenang-wenangnya. Anak kehilangan ibu, isteri kehilangan suami. Palestin menjadi saksi, Yahudi sudah menunjukkan taringnya. Seolah-olah gah dengan kuasa yang ada. Kepada dunia ingin mereka buktikan, Perang Salib berulang kembali. Namun dengan keputusan yang berbeza. Seolah-olah kemenangan kini berpihak kepada mereka. Kehinaan ini perlu ditebus, maruah Islam harus dikembalikan... ", Haikal menghela nafas. Sesekali air liur ditelannya.

"Tapi kita bukan bangsa Arab, Haikal. Kita orang melayu. Melayu jati, berkulit sawo matang. Persetankan apa yang terjadi. Biar bangsa Arab sendiri yang menyelamat keadaan. Itu bumi mereka", Amir cuba menegakkan benang yang basah.

Haikal memandang Amir. Anak matanya tajam menikam iris sahabatnya itu.

"Betapa jangkalnya hujahmu itu. Kau cuba katakan dalam Islam wujud jurang pemisah, pembeza antara warna kulit, kaum dan bangsa. Sedangkan jelas, yang membezakan cuma taqwa! Arab, melayu sama sahaja. Sejarah dulu telah membuktikan pada tanggal 1187, bumi Palestin dibebaskan oleh Salahuddin Al-Ayubi dalam perang Hittin yang dahsyat. Sedangkan Salahuddin bukan berdarah arab Palestin. Beliau berketurunan kurdi, satu bangsa yang mendiami utara Iraq, sempadan Turki. Namun kenapa jiwa diperjudikan? Nyawa jadi taruhan? Pastinya kerana iman yang mendalam. Kerana bumi Palestin bumi kita. Bumi ummat Islam. Dan juga kerana penghinaan Yahudi yang melampau. Tapi... paling menyediakan makam pejuang berjasa, pembebas Palestin dari taghut yang menggilah itu diijik dan dicaci oleh Lord Olenby. Ketua Pasukan Salibiah itu perlu diajar!". Haikal mengetap bibir, menahan marah.

## **BEDAH SIASAT (POST MORTEM) MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Oleh: Salman Amiruddin (namlas\_82@yahoo.com)

### **1) Jenis-jenis Bedah Siasat**

- 1.1 **Bedah siasat jenayah**- Bedah siasat ini dilakukan ke atas mayat untuk mengetahui sebab dan jenis kematian bagi menyabitkan bukti kepada penjenayah.
- 1.2 **Bedah siasat penyakit**- Bedah siasat ini di jalankan untuk mengkaji penyakit yang menjadi punca kematian seseorang.
- 1.3 **Bedah siasat untuk pengajian**- Ianya di lakukan oleh pelajar yang mengikuti pengajian perubatan untuk memahami anatomi tubuh manusia secara amali.

### **2) Hukum dan Perselisihan Ulama**

2.1 Pendapat yang **mengharamkan** bedah siasat ke atas mayat berdasarkan dalil-dalil berikut:

- a) **Firman Allah** s.w.t: "Dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam,kami angutkan mereka di daratan dan lautan, dan kami berikan kepada mereka rezeki yang baik, dan kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah kami ciptakan"(Surah al-Israa':70)
- b) **Hadis** Saidatina Aisyah r.a: "Sesungguhnya mematahkan tulang orang mati yang beriman itu seperti mematahkan tulangnya ketika mana dia hidup" (hadis riwayat Ahmad)
- c) **Dalil akal**: Bedah siasat untuk pengajian ditegah kerana terdapat cara yang lain untuk mengenali dan memahami anggota manusia itu dengan melakukan uji kaji ke atas binatang

2.2 Pendapat yang **mengharuskan** bedah siasat untuk keperluan dan darurat.

- a) **Dalil Qias**: Para ulama mengqiaskan masalah ini dengan pendapat yang mewajibkan membela perut seorang perempuan yang hamil yang telah meninggal dunia untuk mengeluarkan bayi yang diharap masih hidup. Begitu juga pendapat yang mengharuskan membela perut mayat yang mana perutnya mengandungi benda yang berharga seperti emas dan perak.
- b) **Kaedah syariah** ada menyebut: Apabila bertembungnya dua kemaslahatan (kepentingan) maka didahulukan kepentingan yang paling kuat dan apabila bertembungnya dua keburukan, di ambil keburukan yang lebih ringan.
- c) **Kaedah feqhiah**: Sesuatu kewajipan yang tidak sempurna melainkan dengan suatu perkara lain, maka perkara itu turut menjadi wajib (Mempraktikkan ilmu perubatan adalah fardhu kifayah demi untuk mengubati penyakit manusia dan mencapai kesihatan, manakala ilmu anatomi merupakan unsur-unsur dari ilmu perubatan, maka bedah siasat turut di benarkan untuk tujuan tersebut)

### **3) Etika Bedah Siasat:**

- 3.1 Hendaklah tubuh yang di bedah siasat bagi tujuan pengajian itu bukan tubuh orang Islam atau kafir zimmi
- 3.2 Bedah siasat yang di lakukan itu mestilah benar-benar mempunyai kemaslahatan yang pasti
- 3.3 Hendaklah memelihara adab memuliakan mayat dengan tidak melakukan perkara yang tidak bersangkut paut dengan tujuan asal
- 3.4 Sekiranya mayat itu perempuan, maka yang melakukan bedah siasat itu mestilah perempuan dan begitu juga sebaliknya. Jika tiada pakar di kalangan perempuan,maka hendaklah memelihara perkara berikut:
  - a) Lelaki tidak berseorangan (berkhawat) dengan mayat perempuan tersebut
  - b) Hanya memeriksa dan melihat bahagian anggota yang diperlukan sahaja

---

rujukan:

1-Antologi Perbahasan Feqh: Ustaz Salman Maskuri

**PANDUAN IBADAH PESAKIT**

Oleh: Ahmad Shuib Yahaya      [intelek@lycos.com](mailto:intelek@lycos.com)

(sambungan – panduan bersuci)

**PESAKIT YANG SENTIASA BERHADAS**

**PESAKIT YANG TIDAK BOLEH TERKENA AIR**

1. Jika **anggota wuduk tidak boleh terkena air** kerana takut akan memudaratkan diri, atau mendatangkan penyakit atau cedera, atau takut akan menambahkan penyakit, hendaklah BERTAYAMMUM sahaja.
2. Jika **seluruh anggota wuduk termasuk muka dan tangan berbalut** dan tidak boleh dibuka balutannya, pesakit hendaklah menyapu dengan air di atasnya (balutan) sahaja.

**PESAKIT YANG TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN AIR DAN DEBU TANAH**

1. Jika pesakit tidak **boleh menggunakan mana-mana cara bersuci** (wuduk atau tayammum) kerana boleh memudaratkan pesakit (seperti terbakar seluruh badan) maka hendaklah dia solat dalam keadaan berhadas (tidak bersuci) sebagai menghormati waktu.
2. Pesakit hanya diwajibkan menuaikan solat fardu, dan ditegah dari menuaikan solat-solat sunnah (nafilah) sepanjang dia berhadas.
3. Pesakit tersebut hendaklah mengulang (qada') solat-solat tersebut selepas dia sembuh.
4. **Pesakit yang kudung tangan dan kaki** (seluruh kadar wuduk), kemudian mengalami kecederaan di muka yang tidak memungkinkan dia membasuh atau tayamum, maka hendaklah dia solat dalam keadaan berhadas TANPA perlu mengulang (qada') solat-solatnya.

- Pesakit yang memakai *colostomy bag* (najis sentiasa keluar melalui saluran)
- Pesakit yang menggunakan *continuous bladder drainage*
- Pesakit *automatic bladder* (dan seumpamanya–air kencing sentiasa keluar)

Cara berwuduk adalah seperti berikut:

1. Tanggal atau buka beg plastic yang telah berisi air kencing/najis. Bagi pesakit yang memakai colostomy bag, hendaklah bersih tempat keluar najis di perut. Kemudian menggantikan dengan beg yang baru (atau guna yang lama sekiranya ia boleh dibersihkan).
2. Bagi pesakit kencing berterusan yang tidak menggunakan beg/drainage, (sejurus sebelum berwuduk) – hendaklah memakai lampin/balutan yang menghalang air kencing daripada meleleh.
3. Berwuduk seperti biasa. Pastikan berwuduk setelah masuk waktu solat. Selepas itu berwuduk dengan segera. Wuduk ini hanya sah untuk sekali solat fardhu dan beberapa solat sunnah.
4. Jika najis/air kencing keluar semasa solat, pesakit boleh meneruskan solat. Najis yang keluar itu dimaafkan kerana kesukaran dan darurah.
5. Solat pesakit tersebut sah dan tidak perlu diulang apabila sembuh.

Rujukan: Panduan Ibadah Pesakit (PPIM)  
الفقه الإسلامي وأدله (Prof. Dr. Wahbah Zuhaily)

Renal Physiology (Prof Shukri Wakim)

## KHABAR AL-IFK

Siri Akhir – “**ALLAH membersihkan Ummul Mukminin**”  
*namlas\_82@yahoo.com*

Sambung Aisyah radiallahu anha seterusnya:” Demi Allah,Rasulullah tidak berpindah dari tempat duduknya dan tidak seorang pun dari keluarga rumahku yang keluar. Allah Taala menurunkan wahyu ke atas nabi s.a.w. dan nabi bagaikan seorang yang demam semasa wahyu turun.Ternampak peluh berderai mengalir bagaikan biji permata di hari sejuk lantaran beratnya kata-kata yang turun ke atas Rasulullah s.a.w.Aisyah menyambung lagi: Peluh beransur hilang dari badan Rasulullah dan rasul kelihatan tersenyum dan kata-kata yang mula-mula keluar dari mulut Rasulullah s.a.w.”Terimalah berita baik wahai Aisyah,sebenarnya Allah s.a.w telah membersihkan engkau.Lalu berkata ibuku:” Ayuh bangun ke hadapan rasulullah s.a.w yakni berterima kasih kepadanya”.Jawabku:”Tidak,demi Allah aku tidak akan bangun kepadanya dan aku tidak akan memuji selain dari Allah,kerana dia adalah yang telah menurunkan kenyataan tentang kesucianku.

“Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah dari golongan kamu juga,janganlah kamu mengira berita bohong itu buruk bagimu,sedangkan ianya perkara yang baik bagimu,tiap-tiap seorang dari mereka mendapat balasan dosa yang di kerjakan.Dan siapa di antara mereka yang mengambil bahagian terbesar dalam penyiaran berita bohong itu baginya azab yang pedih”(Surah an-Nur:11-20)

Sambung Aisyah lagi:”Dahulu ayahku mengeluarkan bantuan perbelanjaan kepada Mistah kerana hubungan kerabat dan kemiskinannya,tetapi ia telah berkata:”Demi Allah mulai hari ini aku tidak mahu menghulurkan perbelanjaan itu selepas kerjanya menyebarkan fitnah mengenai Aisyah,maka turunlah firman Allah s.w.t:” Dan janganlah orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan di antara kamu bersumpah bahawa mereka(tidak) akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat(nya),orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah,dan hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada.Apakah kamu tidak ingin bahawa Allah mengampuni”(Surah an-Nur:22).Selepas itu Abu Bakar berkata:”Bahkan demi Allah sesungguhnya aku lebih mencintai supaya Allah memaafkan daku”.Abu Bakar pun kembali mengeluarkan bantuan kepada Mistah seperti yang di keluarkan dahulu.

Selepas itu Rasulullah s.a.w keluar menyampaikan khutbah kepada orang ramai dan membaca segala apa yang telah di turunkan Allah dari ayat-ayat Al-Quran mengenai peristiwa ini,kemudian Rasulullah s.a.w memerintah supaya di sebat Masthah bin Athathah,Hassan bin Thabit dan Hamnah bin Jahisy yang sangat lantang mengeluarkan berita fitnah itu dan di sebat sebagai hudud kerana kesalahan mereka.

## HADITH NABAWI SYAREEF

وعن أبي هريرة رضي الله عنه، قال: قال رسول الله (ص): من تعلم علماً مما يبتغي به وجه الله، لا يتعلمه إلا ليصيب به عرضاً من الدنيا؛ لم يجد عرفاً للجنة يوم القيمة. رواه أحمد، وأبو داود، وابن ماجة.

*Sesiapa yang mempelajari satu ilmu selain dari kerana Allah, dia tidak mempelajarinya melainkan untuk mendapatkan dunia, nescaya dia takkan dapat mencium bau surga di akhirat kelak.*

Hadith 227 من مشكاة المصايب

## الشفاء

### 27. PELEMBUT HATI

Membaca:

- i. Al Fatihah
- ii. 4 ayat akhir surah Al-Hasyr
- iii. 5 ayat awal surah Taha
- iv. اللهم لين لـ(nama orang yang perlu kasih)  
قبـ(nama orang yang keras hati)  
كما لينت لداؤد الحديث

Sumber: Rawatan Pesakit Menurut Al-Quran dan As-Sunnah (Prof Dato' Dr. Haron Din & Dato' Dr. Amran Kasimin)

## ERATA

Pembetulan untuk bahagian –  
“HADITH NABAWI SYAREEF” edisi  
yang lalu.(kesalahan baris)

<u>Kesalahan</u>	<u>Pembetulan</u>
لم يبقي	لم يبقي
فسئلوا	فسئلوا
جهالا	جهالا

## THE SECRET GUIDANCE

By Siti Hajar Ismail [nibras\\_elqalb@hotmail.com](mailto:nibras_elqalb@hotmail.com)

Contentment and happiness are blessings that are given only to those who follow the straight path. The messenger Muhammad SAW left us upon one end of this path and the other of it are the gardens of Paradise.

"And indeed we should then have guided them to the Straight Path" (surah 4:68)

When one adheres to the straight path, though he may be afflicted with hardships along the way, he is confident of a happy ending and a future abode in Paradise. As a result he follows the Prophet SAW who speaks not from his own desires, who was immune to whispering of the Devil and those sayings are proof upon man.

"For each(person) there are angels in succession, before and behind him. They guide him by the Command of Allah" (surah 13:11)

One can sense the joy of a righteous person by his mannerisms and by his treading the straight path. He knows that he has a Lord and that he has a role model in the Messenger, he has The Book of Allah in his hand, illumination in his heart and a conscience that prompts him to do well. He is advancing to the greater state of bliss and always striving for betterment.

"This is the Guidance of Allah with which guides whosoever He will of his slave" (surah 6:88)

There are 2 paths: one that is figurative and the other that has a physical reality. The first path is that of faith, which one treads in this transient life--- a life that fraught with temptations and desires. The second path is the Hereafter. Every person will have to go across this path in order to reach the Paradise. Anyone who fails will plunge into Fire. This path of bridge is teeming with spikes. Who ever guided to the path of faith and belief in this life will safely cross the path of Hereafter----the speed at which he crosses will be proportional to the level of his faith.

And know that if one is blessed with being guided to the straight path, his worries and anxiety will vanish.

### **<TEN GEMS FOR A GOOD AND NOBLE LIFE>**

1) Wake up in the last third of the night to beg forgiveness from Allah- "And those who pray and beg Allah's Pardon in the last hours of night" (surah 3:17)

2) At least once in a while, seclude yourself from people in order to contemplate - "And (those who) think deeply about the creations of heaven and earth" (surah 3:191)

3) Stay in the company of righteous - "And keep yourself patiently with those who call on their Lord..." (surah 18:28)

4) Remember Allah often - "Remember Allah with much remembrance" ( surah 33:41)

5) Pray 2 units of prayer with sincerity and devotion - "Those who offer their prayer with all solemnity and full submissiveness" (surah 23:2)

6) Recite the Quran with understanding and reflection - "Do they consider the Qur'an carefully ???" (surah 4:82)

7) Fast on a hot, dry day. "He abandon his food, drink and desires all for ME "

8) Give charity secretly - Until the left hand doesn't know what the right had has spent.

9) Provide relief and aid to the afflicted muslims – “Whosoever gives relief to a muslim from one of the vicissitudes of his life, Allah will relieve him from a calamity that from the calamities of the Day of Judgement” (hadith)

10) Be as abstemious and abstinent as possible in this fleeting world - "The Hereafter is better and more lasting" (surah 87:7)

.....Dari muka 2

**TIBBians** : Bagaimanakah Dr menyesuaikan diri untuk belajar di Mesir?

**Dr Hamidah** : Pada permulaannya, memang saya benar-benar terkejut dengan keadaan di sini.. Suasana di sini benar-benar berbeza dengan di Malaysia. Memang saya akui Mesir memang maju dari segi kepakaran tetapi sistem mereka tidak begitu bagus. Ini menyebabkan kita tidak selesa bekerja. Masalah besar yang saya hadapi adalah masalah komunikasi dalam bahasa arab. Komunikasi begitu terhad. Saya akan sentiasa bertanya, tapi bila kita terlalu banyak bertanya, kadang-kadang saya akan dimarahi.

**TIBBians** : Adakah selepas ini Dr akan mengesyorkan kepada doktor-doktor di Malaysia untuk mengambil kursus subkepakaran di sini?

**Dr Hamidah** : Sebenarnya sudah ramai bertanyakan saya tentang ini. Ada pro dan kontra sebenarnya. Kalau datang ke sini untuk mendapatkan latihan dan pendedahan, memang saya syorkan mereka datang. Sebenarnya di sini lebih baik berbanding di negara-negara lain. Walaubagaimanapun, peluang untuk mengetuai pembedahan memang tidak ada. Tetapi kalau untuk assist pembedahan, memang di sini terdapat begitu banyak peluang. Sebenarnya untuk subkepakaran, kita perlu banyak mengetuai pembedahan berbanding hanya assist. Kes-kes di Mesir memang banyak. Di Malaysia hanya terdapat 4-5 kes seminggu tetapi di Mesir boleh mencapai sehingga 10-15 kes seminggu.

**Tibbians** : Adakah matlamat Dr tercapai di sini?

**Dr Hamidah** : Hampir tercapai. Ini kerana saya kurang mendapat pendedahan dalam perbincangan. Begitu juga dengan sistem wad. Saya kurang mendapat pendedahan di sini. Saya juga jarang dapat mengikuti klinik kerana sesi klinik hanya pada sebelah petang dan malam. Ini sekaligus membataskan saya untuk mengikuti sesi klinik. Walaubagaimanapun, saya memang berharap untuk menjalankan lebih banyak pembedahan daripada apa yang saya capai sekarang.

**TIBBians** : Bagaimanakah Dr membahagikan masa antara kerjaya dan juga keluarga?

**Dr Hamidah** : Terus terang saya katakan, saya sampai hingga ke tahap ini adalah kerana galakan daripada suami saya. Pada saya pasangan memainkan peranan yang sangat penting. Maknanya, kalau kita memasuki program master, dia pun kena bersama-sama saya untuk 'memasuki master'. Saya akui saya memang mementingkan keluarga. Alhamdulillah saya mempunyai suami yang memahami dan dia tidak mempunyai masalah untuk membantu saya menguruskan rumah tangga.

**TIBBians** : Soalan terakhir. Apakah nasihat Dr kepada para pelajar perubatan Malaysia di Mesir?

**Dr Hamidah** : Sistem di Mesir menyebabkan pelajar tidak terdedah dengan bahan-bahan rujukan luar. Rujukan lebih kepada daripada pensyarah yang mengajar. Di peringkat master, kita perlu membiasakan diri untuk membuat rujukan luar seperti jurnal perubatan. Saya nampak pendedahan klinikal juga kurang di Mesir. Saya mengesyorkan para pelajar membuat attachment di hospital di Malaysia apabila musim cuti kelak. Nasihat saya juga kepada para pelajar yang sudah memasuki alam klinikal agar membuat perancangan masa depan dengan baik. kita perlu memastikan bidang apakah yang kita minati sejak di peringkat undergraduate lagi. Kalau terlambat, saya bimbang para pelajar akan terkebelakang dan menyesal di kemudian hari.

**TIBBians** : Terima kasih Dr. Semoga doktor maju jaya di dalam bidang yang diceburi.

**Dr Hamidah** :Sama-sama..